

02/03/2002

Mengesan model, sistem pelaksanaan hukum hudud

Faizal Fadzil

PERSOALAN mengenai pelaksanaan hukum hudud sejak dulu lagi menjadi topik perbincangan paling panas di kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

Tema itu sering menjadi topik khusus dalam bicara daripada bilik kuliah akademik di universiti hinggalah ke pentas politik, sama ada di dewan mahupun kedai kopi.

Pembicaranya juga amat meluas daripada kalangan cendekiawan hinggalah kepada pemimpin parti politik.

Antara pokok perbincangan ialah apakah hukum hudud boleh dilaksanakan di Malaysia yang penduduknya pelbagai kaum dan agama?

Begitu banyak sekali idea pro dan kontra yang dikemukakan dalam sekian banyak perbincangan berkenaan.

Ada hujah berlandaskan sumber paling sahih, iaitu al-Quran dan as-Sunnah serta ijma' ulama, tetapi tidak kurang juga yang disandarkan kepada rasional pemikiran dan realiti semasa.

Malah, ada juga yang membangkitkan pandangan hanya berdasarkan emosi semata-mata.

Sebenarnya, tanggungjawab untuk melaksanakan hukum hudud di sesebuah kawasan atau lokaliti dan dalam konteks negara bangsa moden sekarang tertanggung di bahu kerajaan sesebuah negara.

Seorang ulama terkemuka mazhab Syafie, Al-Mawardi, dalam kitabnya berjudul Al-Ahkam As-Sultaniah menyebut bahawa tugas pemerintah Islam ialah menjaga kepentingan agama dan mentadbir negara dan umat.

Dalam konteks pelaksanaan hudud, Al-Mawardi menyebut bahawa salah satu tugas itu ialah membanteras jenayah dan mengenakan hukuman terhadap penjenayah dengan hukuman yang sesuai, sama ada had atau hudud (iaitu jenayah yang ditetapkan hukumannya oleh syarak dengan syarat tertentu seperti zina, mencuri, minum arak dan sebagainya) atau ta'azir (jenayah lain yang diberi kuasa kepada pemerintah menentukan bentuk hukumannya).

Berdasarkan pandangan itu, maka jelaslah bahawa pelaksanaan hukum hudud terletak di bahu pemerintah sesebuah negara Islam.

Namun, untuk melaksanakan sesuatu dasar bagi sesebuah negara bukanlah satu perkara yang boleh dilaksanakan secara drastik dan sembrono tanpa satu kajian holistik atau menyeluruh.

Sesuatu hukum atau undang-undang yang dilaksanakan perlu dikaji secara mendalam supaya pelaksanaannya mencapai maksud dan matlamat dikehendaki, contohnya penubuhan bank Islam di Malaysia.

Kerajaan sudah memulakan kajian untuk mewujudkan bank Islam sejak 1970-an lagi. Pada masa itu, subjek mengenai perkara berkenaan mula diperkenalkan kepada pelajar Islam di institusi pengajian tinggi (IPT).

Setelah hampir 20 tahun, barulah bank Islam dapat diwujudkan di negara ini dan diterima dengan baik oleh masyarakat, bukan saja dari kalangan umat Islam, malah golongan bukan Islam.

Ini kerana pelaksanaan sistem perbankan Islam dilakukan dengan penuh hikmah dan secara evolusi setelah kajian demi kajian dibuat ke atas sistem berkenaan.

Begitu juga dengan pelaksanaan hukum hudud. Tiada siapa yang boleh menolak hukum Allah sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran. Namun, pelaksanaannya juga perlu dibuat secara hikmah dan memerlukan kajian lebih mendalam.

Atas kesedaran itu, Kerajaan Johor mengambil inisiatif untuk memulakan

kajian menyeluruh mengenai hukum hudud.

Seperti yang diketahui, banyak negara Islam telah melaksanakan hukum hudud. Namun, dari segi pelaksanaannya, masih belum ada sistem yang dapat dijadikan model yang benar-benar meyakinkan.

Dalam satu ucapannya pada Seminar Pelaksanaan Hukum Syarak di Malaysia tahun lalu, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, menegaskan ketiadaan model pelaksanaan hukum hudud yang mampu dijadikan rujukan membuatkan musuh-musuh Islam dengan mudah melabel pelaksanaan hudud itu sebagai kejam dan tidak adil, manakala penganut Islam sendiri menjadi keliru.

Justeru, berdasarkan keperluan itu, Abdul Ghani mencadangkan supaya inisiatif bagi mengkaji pelaksanaan hukum syarak di negara-negara Islam lain.

Buat permulaan, katanya, satu pasukan petugas boleh dibentuk bagi memikul tanggungjawab meneliti pelaksanaan hukum syarak yang merangkumi penguatkuasaan hukum hudud di beberapa negara Islam yang boleh membantu Malaysia membuat rumusan dan rujukan sebelum melaksanakannya.

Cadangan Abdul Ghani itu disambut oleh Mufti Johor, Datuk Nooh Gadut, serta penganjur bersama seminar berkenaan, iaitu Pejabat Ketua Penerangan dan Penyelidikan Kerajaan Johor dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Kerajaan Johor kemudian mengemukakan cadangan untuk mengadakan kajian itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang merestui pelaksanaan kajian itu.

Satu pasukan petugas dibentuk untuk memulakan kajian awal mengenai pelaksanaan hukum hudud di beberapa negara Islam, iaitu Arab Saudi, Mesir, Qatar, Sudan, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan Yaman dari 1 hingga 17 Mac ini.

Pasukan petugas yang diketuai oleh Nooh itu turut dianggotai beberapa pengkaji lain, antaranya Penolong Ketua Pengarah IKIM, Datuk Abdul Monir Yaacob; Pengerusi Biro Agama Umno Johor, Senator Datuk Ghafar Gurrohu yang juga Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara; Ketua Penerangan dan Penyelidikan Johor, Dr Khairul Azmi Mohamad; Ketua Hakim Syarie Johor, Datuk Jaafar Dayat; Pengarah Pusat Pengajian Tinggi Agama Islam dan Bahasa Arab Johor (Marsah), Prof Madya Selamat Hashim; dan Pensyarah Fakulti Pengajian Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Madya Dr Abdul Halim El-Muhammady.

Antara objektif pasukan petugas ini ialah mengkaji kejayaan pelaksanaan undang-undang hudud di beberapa negara Islam terpilih di samping meninjau masalah yang dihadapi dalam pelaksanaannya dan membuat perbandingan dalam aspek perundangan yang dilaksanakan di Malaysia dengan negara-negara terbabit.

Di samping itu, hasil kajian ini juga membolehkan rakyat Malaysia menerima penjelasan yang tepat mengenai pelaksanaan hukum syarak, khususnya pelaksanaan undang-undang jenayah syariah.

Kajian ini juga dikemukakan kepada kerajaan, termasuk pandangan mengenai pendekatan berhubung pelaksanaan undang-undang Islam, khususnya jenayah syariah dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia.

Antara pengisian program ialah mengadakan pertemuan dengan menteri kehakiman dan agama negara terbabit, mengadakan perbincangan dengan mufti, ulama, ahli akademik dan golongan pentadbir yang terbabit secara langsung dalam merangka undang-undang dan melaksanakannya serta meninjau pentadbiran mahkamah serta pemutusan kes bagi jenayah yang membabitkan hudud.

Antara elemen, aspek dan skop yang membabitkan pelaksanaan hudud yang akan diteliti dan ditinjau ialah sistem mahkamah syariah; program latihan kehakiman dan pegawai mahkamah syariah; skop pelaksanaan hukum syarak;

pelaksanaan hudud; perundangan hudud; jenis-jenis kesalahan kategori hudud yang dilaksanakan serta undang-undang prosedur dan keterangan hudud.

Di samping itu, pasukan petugas ini juga akan meneliti proses prosiding kes-kes hudud (dari pertuduhan hingga jatuh hukuman); kaedah pelaksanaan hukumannya; kesalahan jenayah hudud, tetapi melaksanakan variasi hukuman (sama ada melaksanakan sebahagian preskripsi hudud dicampur ta'zir atau dita'zir saja) serta halangan, cabaran dan keberkesanan pelaksanaan hudud.

Selain itu, jenayah dan pelaksanaan qisas serta jenayah murtad dan prosiding berkaitan akan turut diberi perhatian.

Meskipun aspek perundangan hudud diberi keutamaan, pasukan petugas ini juga tidak akan mengabaikan pemerhatian terhadap sikap dan penerimaan rakyat terhadap perundangan yang dilaksanakan dalam konteks hudud, qisas dan ta'zir, termasuk perbahasan mengenai hudud di Parlimen mahupun Dewan Perundangan negara terbabit.

Kajian ini kemudian akan dikemukakan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan dan dihalusi.

Misi kajian hukum hudud ini menunjukkan kerajaan tidak pernah mengabaikan pelaksanaan syarak di Malaysia, malah sering mencari jalan untuk melaksanakan Islam sepenuhnya.

Apa yang boleh dilakukan setelah kajian ini selesai ialah memperkenalkan subjek mengenai hukum hudud di sekolah supaya masyarakat Islam lebih matang dan berfikiran terbuka, khususnya dalam permasalahan yang membabitkan hukum hudud.

Langkah ini sekali gus akan mengurangkan kekeliruan di kalangan masyarakat Islam dan menghapuskan ketakutan di kalangan orang bukan Islam mengenai hukum hudud.

(END)